

24 Januari 2017

KENYATAAN MEDIA

Program Perniagaan Mikro AMP Dipertingkat Bagi Melengkapi Usahawan Baru Dengan Kemahiran Yang Relevan

1. Mereka yang ingin memulakan bisnes secara kecil-kecilan di dalam bidang keselamatan rumah (*home security*) kini boleh menimba ilmu dan kemahiran relevan menerusi Program Perniagaan Mikro kelolaan Angkatan Karyawan Islam (AMP). Khidmat keselamatan rumah adalah salah satu modul terbaru yang ditawarkan di bawah program ini. Mereka yang mengambil modul ini juga akan mendapat pensijilan diiktiraf. Di samping itu, AMP juga telah meningkatkan modul yang sudah sedia ditawarkan. Sebagai contoh, para peserta modul membuat kek, roti dan pastri kini boleh mempelajari teknik-teknik baru untuk beraneka produk popular seperti kek adunan, roti Perancis dan *shortcrust pastries* serta memperoleh pensijilan lanjut. Bidang kemahiran lain yang ditawarkan termasuk masakan, jahitan, kraftangan dan aksesori perkahwinan, serta kecantikan dan kesihatan.
2. Semua peserta Program Perniagaan Mikro akan menyertai modul-modul perniagaan untuk memberi pemahaman bisnes yang mendalam seperti pengurusan aliran wang, penentuan harga, pemasaran, pengurusan jangkaan pelanggan serta penggunaan media sosial. Mereka juga dapat memanfaatkan pelbagai jenis khidmat nasihat perniagaan yang disediakan Pusat SME Dewan Perniagaan & Perusahaan Melayu Singapura (SME Centre @ SMCCI) seperti bimbingan mentor dan penilaian prestasi.
3. Program Perniagaan Mikro AMP dibuka kepada warga negara Singapura berumur antara 21 hingga 50 tahun, dengan pendapatan bulanan rumah tidak melebihi \$4,000 atau pendapatan per kapita tidak melebihi \$800. Pemohon juga harus mempunyai kemahiran asas atau pengalaman dalam bidang yang dipilih. Bayaran pendaftaran sebanyak \$200 atau \$300 akan dikenakan, bergantung kepada pendapatan per kapita pemohon. Bayaran ini akan dikembalikan bagi mereka yang tidak terpilih untuk menyertai program ini. **Pendaftaran dibuka sehingga 6 Februari 2017.**

4. Mereka yang berminat boleh mendaftar untuk program ini di kedua-dua pejabat AMP di **Pasir Ris** (*1 Pasir Ris Drive 4, Tingkat 5, dibuka pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang, dan pada hari Sabtu dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang*) dan **Jurong** (*Jurong Point Shopping Centre, #06-02, dibuka pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang, dan pada hari Sabtu dari jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang*). **Borang permohonan juga boleh didapati di laman web AMP di www.amp.org.sg.**
5. Program latihan selama enam bulan ini akan bermula pada bulan Februari dan berakhir dengan penyerahan pelan perniagaan oleh para peserta kepada AMP untuk peluang mendapatkan geran modal \$1,000 yang boleh digunakan bagi peningkatan atau pengembangan perniagaan mereka.
6. Program Perniagaan Mikro AMP telah diperkenalkan pada tahun 2005 untuk membantu individu-individu daripada keluarga berpendapatan rendah untuk memupuk semangat keusahawanan mereka dengan melengkapi mereka dengan kemahiran perdagangan, perniagaan dan IT bagi menceburi bidang perniagaan mikro untuk menambah pendapatan rumah mereka. AMP bekerjasama dengan Pusat SME Dewan Perniagaan & Perusahaan Melayu Singapura (SME Centre @ SMCCI) dalam usaha untuk meningkatkan latihan perniagaan dan kemahiran IT bagi para peserta program ini.